

02 SEP 2002

Pekerja-Tindakan/I

TINDAKAN TERHADAP PENDATANG TANPA IZIN PERLU

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 2 Sept (Bernama) -- Apabila sekumpulan kecil aktivis Indonesia yang berpakaian hitam melepaskan kemarahan terhadap Malaysia dengan mengadakan demonstrasi ganas lebih seminggu lepas, mereka bukan sekadar membakar "Jalur Gemilang" dan merobohkan pintu pagar Kedutaan Malaysia di Jakarta.

Mereka mengancam untuk menyemarakkan rasa benci dengan menggunakan bibit kemarahan yang ditinggalkan oleh kempen "Ganyang Malaysia" yang dilancarkan oleh almarhum Presiden Sukarno.

Selama beberapa dekad, Malaysia telah menjadi tuan rumah secara paksa kepada pendatang tanpa izin Indonesia yang pernah pada satu ketika berjumlah lebih sejuta orang.

Angka itu sama dengan jumlah mereka yang datang secara sah bagi mencari pekerjaan ekoran ketiadaan kerja di tanah air sendiri.

Jumlah itu telah kurang kepada separuh ekoran krisis ekonomi yang melanda rantau ini pada pertengahan 1997.

Disebalik laporan bahawa wang mereka telah ditipu oleh orang tengah yang tidak bertanggungjawab, pendatang tanpa izin masih datang dengan jumlah yang ramai.

Walaupun diakui, mereka telah banyak menyumbang kepada pembangunan fizikal Malaysia daripada segi tenaga kerja, namun tidak dapat dinafikan bahawa berjuta rakyat Indonesia turut makmur menerusi wang yang dihantar pulang kepada anggota keluarga mereka.

Semasa mereka pertama kali datang ke Malaysia mereka masih kurang berpengalaman dalam industri pembinaan dengan pendapatan harian antara RM10 dan RM15. Pemaju perumahan Malaysia kemudian mengajar mereka kemahiran pembinaan dan mereka belajarnya dengan cepat dan menjadi pekerja mahir, memperoleh pendapatan sehingga RM80 sehari.

Beberapa kampung seperti di daerah Tulungagung di Jawa Timur atau malahan sehingga jauh di pedalaman di Pulau Bawean, utara Jawa Timur telah menikmati keadaan kehidupan yang lebih baik kerana beribu penduduk mereka bekerja di luar negara terutamanya Malaysia.

Di Bawean, sebatang jalannya telah diberi nama sempena nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh penduduk pulau itu yang mengkagumi Perdana Menteri.

Beberapa pemimpin dan ahli politik Indonesia mendakwa Malaysia sebagai tidak berterima kasih dengan menghantar pulang beribu pendatang tanpa izin mereka dan menguatkuasakan undang-undang yang mengenakan hukuman sebat bagi golongan berkenaan.

Speaker Majlis Pemesyuaratan Rakyat Amien Rais menyifatkan hukuman sebat itu sebagai tidak berperikemanusiaan dan satu penghinaan kepada rakyat Indonesia.

Presiden Megawati Sukarnoputri pula sejak itu telah menggesa agar berhenti daripada mengulas mengenai isu pendatang tanpa izin manakala Perdana Menteri pula berkata hanya sekumpulan kecil rakyat Indonesia yang terlibat dalam demonstrasi di hadapan Kedutaan Malaysia dan bahawa tiada bantahan rasmi akan dibuat.

Amien Rais kemungkinan telah terlepas pandang akan hakikat bahawa punca utama masalah itu berpunca di negaranya sendiri berikutan tiada pengendalian sewajarnya akan pekerja tanpa izin yang dihantar pulang dan tiada peluang pekerjaan disediakan untuk mereka.

Kerajaan Indonesia turut mengakui bahawa Malaysia telah memberikan

peringatan yang secukupnya mengenai pelaksanaan undang-undang dan tindakan penghantaran pulang tetapi para pegawainya lambat bertindak.

Seorang penganalisis asing dengan Institut Sains Indonesia, Dewi Fortuan Anwar berkata kenyataan pedas daripada pemimpin seperti Amien hanya untuk melindungi kegagalan dan sikap berdiam diri kerajaan dalam mengendalikan isu itu.

Dewi, yang juga penasihat mengenai hal ehwal asing kepada bekas Presiden B.J. Habibie, berkata kerajaan perlu menangani sistem pengurusan lemah terhadap rakyatnya yang bekerja di luar negara.

Bekas Menteri Tenaga Kerja, Fahmi Idris berkata Indonesia patut membincangkan isu itu dengan Malaysia di peringkat tertinggi.

"Tindakan Malaysia untuk menguatkuasakan undang-undangnya tidak patut dipersoalkan kerana hukuman yang sama dikenakan terhadap pesalah dari negara lain dan malahan rakan usaha sama Malaysia," katanya.

Fahmi, yang merupakan seorang daripada pemimpin Parti Golkar, memuji Malaysia yang tegas dalam melaksanakan undang-undangnya.

Bertahun-tahun lamanya pihak berkuasa undang-undang Malaysia telah menghadapi masalah dengan kadar jenayah yang tinggi dan penyalahgunaan dadah di negara itu dan banyak daripada kes itu melibatkan pendatang asing tanpa izin, katanya.

Rekod menunjukkan mereka terlibat dalam pelbagai tindakan ganas, mengganggu polis dalam menjalankan tugas mereka atau bergaduh sesama sendiri yang telah membimbangkan penduduk tempatan.

Sebagai sebuah negara membangun yang terdedah kepada pelbagai masalah ekonomi global atau serantau dan dengan hasrat mendalam untuk memastikan semuanya berjalan lancar, Malaysia pastinya tidak mahu berdepan dengan perkara buruk itu selamanya, katanya.

Malaysia sejak sekian lama telah cuba memujuk mereka agar pulang ke tanah air mereka dan mendapatkan dokumen yang diperlukan sekiranya mahu terus bekerja.

Seorang pekerja yang mempunyai dokumen yang sah tidak akan dieksploitasi dan akan diberikan status sewajarnya sebagai pekerja asing, menurut seorang pemerhati.

Tindakan baru itu akan memberi manfaat kepada semua orang untuk jangka panjang, katanya.

-- BERNAMA

OPP AAM RHM